

Abdullah jalankan tugas Perdana Menteri

PUTRAJAYA 1 Feb. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menjalankan tugas-tugas Perdana Menteri semasa ketiadaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bercuti ke luar negara sehingga 28 Februari ini.

Dr. Mahathir berkata, segala tugas rasmi Perdana Menteri itu akan diambil alih oleh Abdullah selama hampir sebulan bermula esok.

Menurut beliau, Abdullah juga akan menjalankan tugas-tugas Menteri Kewangan sepanjang ketiadaannya.

“Saya tidak ada di sini, dia (Abdullah) kena gantikan. Takkan tidak ada orang hendak ambil alih tugas itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Wilayah di Datawan Perdana di sini hari ini.

Perdana Menteri akan berlepas ke New York, Amerika Syarikat (AS) malam ini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pelaburan Malaysia yang berlangsung 4 Februari ini.

Dr. Mahathir akan menyampaikan ucapan bertajuk ‘Mengekalkan Ekonomi dan Kestabilan Politik di Tengah-Tengah Pergolakan Serantau dan Ketidaktentuan Sejagat: Pengalaman Malaysia’ pada sidang kemuncak itu.

Beliau dijadualkan ber-cuti selepas menghadiri sidang kemuncak itu sehingga 28 Februari ini.

Ditanya sama ada Abdullah dilantik menjadi Pemangku Perdana Menteri secara rasmi sepanjang ketiadaannya, Dr. Mahathir berkata: “Sekarang ini dia (Abdullah) menanggung tugas Perdana Menteri.”

Menurut beliau, soal memangku jawatan Perdana Menteri atau tidak bukan isu utama untuk diperdebatkan.

“Rasmi atau tidak rasmi, saya tidak tahulah. Orang kacau protokol. Saya tidak pedulikan protokol,” tegasnya.

Apa yang penting, kata beliau, Abdullah memikul tanggungjawab besar dalam menjalankan tugas-tugas rasmi Perdana Menteri sepanjang ketiadaan beliau.